

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini penyakit Tibi (tuberculosis) di Sarawak dan di seluruh Malaysia dan berapa jumlah kematian yang disebabkan oleh "tuberculosis" serta apakah langkah yang lebih drastik diambil oleh Kementerian untuk mengatasi penyakit Tibi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyakit **Tibi** adalah disebabkan oleh **jangkitan bakteria *Mycobacterium Tuberculosis*** yang **merebak melalui udara**. Jumlah kes Tibi yang **dilaporkan di Sarawak, sehingga 31 Mei 2020**, adalah **1,094 kes** (11%) berbanding keseluruhan jumlah kes Tibi Malaysia iaitu **9,736** kes. Manakala jumlah kematian bagi tempoh yang sama (Januari hingga Mei 2020) bagi **Sarawak adalah 62 kematian** berbanding **584** kematian Tibi seluruh Malaysia.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam melakukan penambahbaikan yang berterusan bagi mencegah dan mengawal penularan penyakit Tibi di Malaysia. KKM telah **menyediakan Pelan Strategik Kawalan Tibi Kebangsaan** (2016 hingga 2020) di mana **fokus** Kementerian Kesihatan adalah **memastikan saringan dan**

rawatan awal diberikan kepada pesakit sehingga sembuh dan tidak lagi menyebarkan penyakit kepada orang lain.

3. Antara tindakan drastik yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan berpandukan Pelan Strategik Kawalan Tibi Kebangsaan (2016-2020) adalah **menyediakan garis panduan bagi diagnosa** dan **rawatan** bagi **mengawal jangkitan Latent TB Infection** (LTBI). Garis panduan sedia ada bagi saringan kontak adalah ujian x-ray dada dan pemeriksaan kahak. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization - WHO*) dalam garis panduan terkini (2018) telah mencadangkan supaya kontak kepada kes Tibi positif menjalani saringan dan rawatan LTBI. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan telah melakukan **projek rintis saringan kontak melalui ujian interferon gamma release assay** (IGRA) bermula Julai hingga Disember 2019 ke atas enam (6) buah negeri iaitu Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kelantan, Melaka dan Sabah. Hasil projek rintis ini mendapati daripada sejumlah 5,400 kontak yang disaring, sejumlah 1,400 kontak adalah positif ujian IGRA (25.9%). Kontak yang telah di diagnos LTBI ini telah dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan LTBI.

4. Umumnya WHO menganggarkan hampir 20% populasi dunia dijangkiti LTBI di mana mereka ini mempunyai 5% hingga 10% risiko mendapat jangkitan Tibi aktif sepanjang hayat. Menyedari bahawa **individu dengan LTBI adalah berisiko tinggi mendapat Tibi aktif**, Kementerian Kesihatan pada tahun 2020 telah menyediakan **peruntukan sejumlah RM1.3 juta bagi tujuan peluasan saringan kontak** menggunakan kaedah IGRA ke semua negeri-negeri di Malaysia. Kementerian Kesihatan berharap inisiatif baru ini akan membantu mengawal dan mengurangkan beban penyakit Tibi di Malaysia.

Sekian, terima kasih